

---

## PENGURUSAN HAK PEMILIKAN HARTA INTELEK ANTARA MAJIKAN DAN PEKERJA DALAM ORGANISASI

---

*Khadijah Mohamed*

### PENGENALAN

Proses globalisasi dan perkembangan pesat teknologi secara umumnya memberi kesan besar kepada hampir semua aspek sosial masyarakat hari ini dan turut merubah corak pertumbuhan ekonomi seluruh dunia. Kemajuan dan pertumbuhan organisasi perniagaan juga tidak lagi bergantung kepada aliran modal dalam bentuk aset fizikal semata-mata, sebaliknya lebih tertumpu kepada pemilikan harta berdasarkan maklumat dan pengetahuan yang dikenali sebagai harta intelek. Kepentingan harta intelek sebagai sumber kekayaan bentuk baru ini juga mempengaruhi pertumbuhan ekonomi sesebuah negara; malah Bank Dunia melaporkan ia boleh menjangkau antara 60 hingga 80 peratus daripada jumlah keseluruhan harta sesebuah negara<sup>1</sup>. Justeru, setiap organisasi yang mempunyai pemilikan terhadap harta intelek perlu mengurus dan melindungi aset ini secara berkesan agar memberi pulangan yang setimpal kepada organisasi tersebut. Pengurusan dalam konteks ini termasuklah memastikan wujudnya hubungan yang jelas dari segi perundangan antara majikan dan pekerja di dalam organisasi berkenaan berhubung dengan hak pemilikan terhadap harta intelek.

Bab ini membincangkan maksud harta intelek, jenis harta intelek dan bentuk perlindungan yang diberikan oleh undang-undang, hubungan antara majikan dengan pekerja dalam organisasi serta siapakah pemilik harta intelek dalam konteks sesebuah organisasi menurut perspektif undang-undang.

## MAKSUD HARTA INTELEK

Secara umumnya harta intelek merujuk kepada hak yang diperuntukkan oleh undang-undang terhadap perkara-perkara yang dihasilkan melalui daya kreativiti fikiran. Berbeza dengan kebanyakan hak terhadap harta yang melindungi objek fizikal, perlindungan terhadap harta intelek diberikan kepada hasil luahan ciptaan akal sama ada di dalam bidang industri, saintifik, artistik dan kesusteraan<sup>2</sup>. Hasil kreativiti ini lazimnya mengandungi maklumat atau pengetahuan yang diterjemahkan sama ada dalam bentuk sesuatu karya seperti novel atau lagu, ciptaan, simbol, nama, atau pun reka bentuk yang kemudiannya diaplikasikan kepada sesuatu objek fizikal<sup>3</sup>.

Artikel 2(viii) Konvensyen Penubuhan Pertubuhan Harta Intelek Dunia ataupun *World Intellectual Property Organization* (WIPO) yang bertanggungjawab mentadbir konvensyen dan perjanjian utama berkaitan dengan pelbagai hak harta intelek memperuntukkan bahawa, harta intelek hendaklah meliputi hak-hak yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- (i) sastera, seni dan kerja-kerja saintifik;
- (ii) persembahan pertunjukan artis, fonogram dan penyiaran;
- (iii) reka cipta dalam semua bidang usaha manusia (*human endeavour*);
- (iv) penemuan saintifik;
- (v) reka bentuk perindustrian;
- (vi) tanda perdagangan, tanda perkhidmatan dan nama komersil dan gelaran;
- (vii) perlindungan terhadap persaingan yang tidak adil<sup>4</sup>.

Perjanjian TRIPs 1994 (*The Agreement on Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights*) yang merupakan salah satu perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pula tidak mentakrifkan maksud harta intelek tetapi menerangkan tentang syarat-syarat yang merangkumi pelbagai kategori harta intelek seperti hak cipta dan hak-hak berkaitan cap dagang, paten, tanda petunjuk geografi, reka bentuk perindustrian, reka bentuk susun atur litar bersepadu dan maklumat yang belum diketahui<sup>5</sup>.

## **JENIS HARTA INTELEK**

Mana-mana organisasi yang menghasilkan atau memiliki sesuatu ciptaan perlu memastikan bentuk perlindungan yang paling sesuai untuk ciptaan tersebut dan menentukan jenis perlindungan manakah yang paling sesuai digunakan jika terdapat lebih dari satu bentuk perlindungan undang-undang yang boleh digunakan. Secara tradisinya, harta intelek terbahagi kepada dua bahagian iaitu hak cipta dan harta industri. Hak cipta merujuk kepada hak berkaitan dengan karya seni seperti buku, filem, lukisan, muzik dan sebagainya manakala harta industri pula merujuk kepada cap dagangan, reka cipta, reka bentuk perindustrian, paten, petunjuk geografi serta reka bentuk susun atur litar bersepadu.

Di Malaysia, kesemua jenis harta intelek ini dikawal oleh enam akta utama iaitu:

- (i) Akta Hak Cipta 1987;
- (ii) Akta Cap Dagangan 1976;
- (iii) Akta Paten 1983;
- (iv) Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996;
- (v) Akta Petunjuk Geografi 2000; dan
- (vi) Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000.

Pelaksanaan sistem perlindungan harta intelek di Malaysia dikendalikan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia yang merupakan sebuah badan yang diwujudkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Malaysia menyediakan peruntukan undang-undang dan peraturan yang mencukupi untuk melindungi hak harta intelek pelabur tempatan dan asing. Peruntukan ini adalah setaraf dengan standard dunia, malah beberapa pindaan terhadap peruntukan akta-akta ini dilakukan dari semasa ke semasa untuk memastikan kemantapannya selaras dengan kehendak beberapa perjanjian, triti dan konvensyen antarabangsa yang disertai oleh Malaysia.

### **Hak Cipta**

Akta Hak Cipta 1987 (AHC 1987) tidak memberi definisi khusus tentang hak cipta, tetapi lazimnya ia merujuk kepada hak yang wujud dalam sesuatu karya. Jenis-jenis karya yang dilindungi di bawah

akta ini termasuklah karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman bunyi dan siaran<sup>6</sup>. Selain itu, karya terbitan<sup>7</sup> dan edisi karya diterbitkan<sup>8</sup> juga mendapat perlindungan hak cipta di bawah akta ini.

Seksyen 3 AHC 1987 memperuntukkan perkara-perkara yang tergolong dalam setiap satu daripada jenis-jenis karya ini. Bagi karya sastera, ia termasuklah antaranya novel, lakonan, biografi, ensiklopedia, surat, ucapan, jadual dan program-program komputer tetapi tidak termasuk teks rasmi kerajaan atau badan-badan berkanun yang bersifat perundangan atau peraturan, atau keputusan-keputusan kehakiman. Karya muzik adalah merujuk kepada apa-apa karya muzik, dan termasuklah karya yang digubah untuk iringan muzik. Sementara itu, karya seni pula merujuk kepada karya grafik, fotograf, seni ukir atau kolaj, tanpa mengira kualiti seni, karya seni bina dalam bentuk bangunan atau model bagi bangunan, atau karya pertukangan seni.

Karya sastera, muzik dan seni merupakan karya kategori pertama manakala filem, rakaman bunyi dan siaran merupakan kategori kedua yang biasanya wujud daripada eksloitasi terhadap karya kategori pertama tadi. Bagi filem, mahkamah dalam kes *Foo Loke Ying lwn Television Broadcast Ltd*<sup>9</sup> menyatakan bahawa filem sinematografi adalah sama dengan pita video dan tergolong sebagai filem yang berhak mendapat hak cipta asalkan ia dirakam dalam sesuatu bahan dan ditunjukkan dalam gambar bergerak. Bagi rakaman bunyi, hak cipta dimiliki oleh penerbit rakaman dan bukannya artis sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Polygram Records Sdn. Bhd lvn The Search*<sup>10</sup>. Hak cipta mengenai sesuatu siaran pula adalah hak eksklusif untuk mengawal sesuatu rakaman, pengeluaran semula dan penyiaran semula keseluruhan atau sebahagian besar siaran itu dan pertunjukan, tayangan atau permainan kepada awam di tempat yang mengenakan bayaran masuk bagi keseluruhan atau sebahagian besar sesuatu siaran televisyen sama ada dalam bentuk asalnya atau dalam apa-apa bentuk yang boleh dikenal sebagai diambil dari yang asalnya<sup>11</sup>.

Kesemua karya ini dilindungi secara automatik tanpa memerlukan sebarang proses pendaftaran dan tanpa mengira kualiti dan tujuan karya-karya itu dihasilkan. Walau bagaimanapun, sesuatu karya itu mestilah memenuhi syarat-syarat tertentu untuk mendapatkan perlindungan undang-undang iaitu ia mestilah suatu karya asli<sup>12</sup> yang

telah ditulis, direkod atau selainnya dijadikan dalam bentuk bahan<sup>13</sup> dan penciptanya adalah orang yang berkelayakan atau karyanya telah dibuat di Malaysia atau mula diterbitkan di Malaysia<sup>14</sup>.

Pencipta karya adalah pihak yang pertama berhak terhadap hak cipta sesuatu karya<sup>15</sup>. Seksyen 3 AHC 1987 juga menerangkan siapakah pencipta berdasarkan jenis karya yang dihasilkan iaitu:

- (i) penulis atau pembuat karya bagi karya sastera;
- (ii) pengubah bagi karya muzik;
- (iii) seniman bagi karya seni selain fotografi;
- (iv) orang yang mengarah supaya sesuatu foto diambil bagi karya fotograf;
- (v) orang yang mengarah supaya sesuatu filem atau rakaman dibuat bagi rakaman bunyi;
- (vi) bagi siaran yang dipancarkan dari dalam mana-mana negara, orang yang memancarkan rancangan itu jika dia bertanggungjawab bagi pemilihan kandungannya atau mana-mana orang yang mengadakan rancangan itu yang membuat perkiraan yang perlu dengan orang yang memancarkan untuk pemancarannya;
- (vii) berhubung dengan apa-apa hal lain, ertiya orang yang membuat karya itu

Sementara itu, bagi karya-karya yang ditempah, hak cipta bagi karya berkenaan akan menjadi hak milik pihak yang membuat tempahan tersebut manakala bagi karya yang dihasilkan oleh pencipta karya itu dalam masa bekerjanya, hak cipta karya tersebut adalah kepunyaan majikannya<sup>16</sup>. Walau bagaimanapun, pihak-pihak berkenaan boleh menafikan atau menghadkan hak pemilikan tersebut tertakluk kepada terma-terma perjanjian antara mereka.

Pencipta atau pemilik karya diberikan hak eksklusif untuk mengeksplorasi hasil karya mereka sama ada secara pengeluaran semula dalam apa-apa bentuk bahan, penyampaian kepada awam, pertunjukan, tayangan atau permainan kepada awam, pengedaran salinan-salinan kepada orang awam melalui penjualan atau pemindahan<sup>17</sup> pemilikan atau pemunyaan secara lain dan juga penyewaan secara komersil kepada orang awam<sup>18</sup>. Pemberian hak eksklusif ini membolehkan pencipta atau pemilik karya mengambil tindakan undang-undang<sup>18</sup> terhadap mana-mana pihak yang melakukan

pelanggaran terhadap hak tersebut<sup>19</sup>. Tempoh perlindungan hak cipta yang diberikan adalah untuk sepanjang hayat penciptanya dan berterusan selama 50 tahun sama ada selepas kematian penciptanya atau 50 tahun dari tarikh sesuatu karya mula diterbitkan<sup>20</sup>.

## Cap Dagangan

Cap dagangan merujuk kepada sesuatu tanda yang digunakan oleh seseorang peniaga untuk membezakan barang dan perkhidmatannya dengan peniaga yang lain. Dalam kes *Re Powell's Trade Mark*<sup>21</sup>, Hakim Bowen menyatakan bahawa:

“Fungsi cap dagangan adalah untuk memberi gambaran kepada pembeli atau bakal pembeli tentang pengeluar atau kualiti sesuatu barang – memberi gambaran kepada matanya tentang sumber sesuatu barang itu berasal....”.

Peranan cap dagangan sebagai penunjuk kepada sumber pengeluar dan kualiti yang diwakilinya sangat penting sebagai ejen pemasaran sesuatu produk atau perkhidmatan sesbuah perniagaan. Kecenderungan pengguna terhadap sesuatu jenama atau cap dagangan pada masa kini bukan sahaja berdasarkan jaminan kualiti, malah juga sebagai suatu gaya hidup sebagaimana yang ditekankan oleh Advocate General Ruiz-Jarabo Colomer dalam kes *Arsenal Football Club Plc lwn Matthew Reed*<sup>22</sup>. Justeru, perlu dilindungi oleh pemiliknya bagi memastikan reputasi dan nama baik sesuatu cap itu tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Peruntukan undang-undang di Malaysia berkaitan dengan cap dagangan terkandung dalam Akta Cap Dagangan 1976 (ACD 1976) dan Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 1997 (Pindaan 2001). Di Malaysia, pendaftaran sesuatu cap dagangan tidak diwajibkan kerana wujud perlindungan undang-undang tanpa mengira ia didaftarkan di bawah akta atau tidak. Bagi cap dagangan yang tidak didaftarkan, ia dilindungi di bawah kaedah *common law and equity* mengenai kelirupaan (*passing off*) berdasarkan penggunaan dan reputasi nama atau cap dagangan tersebut.

Pendaftaran sesuatu cap dagangan boleh dilakukan apabila memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan oleh akta iaitu mestilah bertujuan untuk digunakan<sup>23</sup> dan cap itu mestilah distingktif<sup>24</sup>. Hakim Mohamed

Dzaiddin dalam kes *JS Staedtler lwn Lee & Sons Enterprise*<sup>25</sup>, menyatakan bahawa penggunaan yang dimaksudkan itu bertujuan untuk menunjukkan wujudnya suatu hubungan perdagangan dari mana barang itu berasal.

Maksud distingktif pula ialah apabila cap dagangan itu boleh membezakan barang atau perkhidmatan yang didaftarkan atau dicadangkan untuk didaftarkan yang mempunyai hubungan dengan pemiliknya daripada barang atau perkhidmatan yang tiada hubungan sedemikian<sup>26</sup>. Dalam kes *Smith Kline & French Laboratories Ltd. lwn Sterling Winthrop Group Ltd.*<sup>27</sup>, mahkamah memutuskan bahawa kombinasi warna yang distingktif pada kapsul boleh didaftarkan kerana merupakan ciri penting untuk membezakan barang kepunyaan Smith Kline daripada barang peniaga yang lain.

Pendaftaran sesuatu cap dagangan memberi kelebihan kepada pemiliknya kerana mendapat hak monopoli yang eksklusif untuk mengeksplorasi penggunaan cap tersebut kepada sesuatu barang atau perkhidmatan<sup>28</sup>. Malah, pemilik berdaftar cap dagangan juga berhak mengambil tindakan undang-undang di mahkamah apabila berlaku kes-kes pelanggaran<sup>29</sup>. Cara ini adalah lebih murah dan mudah berbanding dengan tindakan pengelirupaan menurut *common law* yang akan melibatkan kos yang tinggi dan beban pembuktian yang lebih sukar. Pendaftaran sesuatu cap dagangan sah bagi tempoh sepuluh tahun tetapi boleh diperbaharui dari semasa ke semasa mengikut Bahagian VII ACD 1976<sup>30</sup>.

## **Paten**

Peruntukan undang-undang berkaitan dengan paten di Malaysia termaktub dalam Akta Paten 1983 (AP 1983) dan Peraturan-peraturan Paten 1986. AP 1983 tidak mentakrifkan maksud paten secara khusus tetapi istilah ini secara umumnya merujuk kepada hak eksklusif yang diberikan terhadap sesuatu reka cipta sama ada dalam bentuk produk atau proses untuk menghasilkan sesuatu dengan cara terbaru atau sesuatu ciptaan tersebut menawarkan penyelesaian teknikal bagi sesuatu masalah<sup>31</sup>. Dalam kes *R lwn Patents Appeal Tribunal, ex parte Swift & Co.*<sup>32</sup>, sesuatu ciptaan ditakrifkan sebagai ‘apa-apa cara pembuatan baru’.

Perlindungan paten hanya diberikan kepada sesuatu ciptaan yang memenuhi tiga syarat iaitu ia adalah ciptaan baru yang belum dizahirkan kepada pihak awam, penghasilannya melibatkan langkah mereka cipta dan ciptaan itu boleh digunakan untuk perindustrian<sup>33</sup>. Maksud baru di sini ialah apabila ciptaan tersebut tidak boleh dijangka melalui ciptaan seni terdahulu (*prior art*)<sup>34</sup>, iaitu merujuk kepada apa-apa maklumat teknikal yang tersedia kepada pihak awam sebelum tarikh permohonan paten difaiklan yang menyebabkan sesuatu ciptaan lanjutan daripadanya boleh dijangka akan dihasilkan<sup>35</sup>.

Langkah mereka cipta bagi penghasilan sesuatu ciptaan itu mestilah juga tidak ketara kepada orang yang mempunyai kemahiran dalam bidang teknologi ciptaan tersebut<sup>36</sup>. Dalam kes *Intercontinental Specialty Fats Sdn. Bhd. Iwn Asahi Denka Kogyo KK*<sup>37</sup>, mahkamah membenarkan pemberian paten atas alasan bahawa kadar kandungan campuran trigliserid asid lemak tepu dan tak tepu yang digunakan di dalam pengganti mentega koko sebagai mempunyai spesifikasi konstituen atau pun langkah mereka cipta yang tidak ketara walaupun dalam kalangan pekerja mahir.

Sesuatu ciptaan juga mestilah boleh digunakan dalam industri<sup>38</sup> iaitu mempunyai sesuatu tujuan mekanikal yang boleh ditentukan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang tidak boleh dipatenkan di Malaysia iaitu:

- (i) penemuan, teori saintifik dan kaedah matematik;
- (ii) tumbuh-tumbuhan atau haiwan;
- (iii) skim, aturan atau kaedah bagi menjalankan perniagaan atau permainan;
- (iv) kaedah untuk manusia atau haiwan dengan cara pembedahan atau terapi, dan kaedah diagnosis yang dilakukan kepada manusia atau haiwan<sup>39</sup>.

Perbezaan di antara penemuan dengan reka cipta ini dijelaskan dalam kes *Genentech Inc's Patent*<sup>40</sup>, seperti berikut:

“Jika seseorang menemui perkara baru pada sesuatu benda atau barang yang sedia diketahui, itu hanyalah merupakan suatu penemuan yang tidak boleh dipatenkan. Tetapi, jika seseorang menjadikan benda tersebut sebagai kegunaan praktikal, dia dikatakan melakukan suatu reka cipta dan reka cipta itu boleh dipatenkan...”.

Permohonan paten boleh dikemukakan oleh mana-mana orang sama ada secara individu, perkongsian ataupun syarikat terhadap reka cipta yang telah memenuhi syarat-syarat kebolehpatenan menurut peruntukan akta<sup>41</sup>. AP 1983 memperuntukkan bahawa hak terhadap paten diberikan kepada perekam cipta yang menghasilkan sesuatu reka cipta<sup>42</sup>. Walau bagaimanapun, bagi reka cipta yang dihasilkan oleh pekerja berdasarkan terma dalam kontrak pekerjaan, hak terhadap paten tersebut adalah kepunyaan majikan tetapi pekerja masih berhak untuk mendapatkan saraan yang saksama jika nilai ekonomi reka cipta tersebut lebih besar daripada yang mereka jangkakan<sup>43</sup>. Pekerja dalam keadaan ini boleh menguatkusakan hak tersebut kerana ianya tidak dihadkan oleh kontrak<sup>44</sup>.

Pendaftaran sesuatu paten memberikan hak eksklusif kepada pemiliknya untuk mengeksplorasi reka ciptanya itu sama ada untuk membuat, mengimport, menawarkan untuk jualan, menjual atau menggunakan reka cipta tersebut di Malaysia<sup>45</sup>. Jika mana-mana orang melakukan sebarang perbuatan eksklusif ini tanpa kebenaran pemiliknya, ia dianggap sebagai suatu pelanggaran paten<sup>46</sup> yang boleh dikenakan tindakan undang-undang<sup>47</sup>. Tempoh perlindungan paten ialah selama 20 tahun daripada tarikh pemfailan tetapi boleh diperbaharui dengan membayar sejumlah yuran tahunan yang ditetapkan oleh akta<sup>48</sup>.

### **Reka Bentuk Perindustrian**

Peruntukan undang-undang di Malaysia berkaitan dengan reka bentuk perindustrian termaktub dalam Akta Reka bentuk Perindustrian 1996 (ARP 1996). Reka bentuk perindustrian merujuk kepada rupa bentuk luaran secara keseluruhan sesuatu barang atau produk yang boleh terdiri daripada ciri tiga dimensi seperti bentuk dan tatarajah sesuatu barang atau ciri dua dimensi seperti corak dan hiasan yang mempunyai nilai estetik yang menarik pandangan mata<sup>49</sup>. Hal ini bermakna, hanya aspek bentuk, corak atau hiasan sahaja yang dilindungi akta dan bukannya aspek fungsi sesuatu produk tersebut. Reka bentuk perindustrian ini diguna pakai secara meluas kepada pelbagai jenis produk perindustrian dan kraftangan. Pemakaianya meliputi daripada peralatan teknikal dan perubatan sehingga kepada barang seperti jam, barang kemas, reka bentuk pembungkusan, perabot, bentuk lampu, enjin serta reka bentuk tekstil<sup>50</sup>.

Pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian boleh dilakukan apabila ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan iaitu ia mestilah baharu serta tidak pernah dizahirkan di Malaysia<sup>51</sup>. Maksud baharu di sini ialah sama ada ia adalah rekaan atau buatan kali pertama yang tidak diketahui langsung oleh pihak awam atau, ia adalah reka bentuk sedia ada atau yang telah dikenali tetapi penggunaannya kepada sesuatu barang itu adalah untuk kali yang pertama.

Larangan penzahiran kepada awam bermaksud, sebelum tarikh permohonan pendaftaran difailkan, sesuatu reka bentuk itu tidak boleh didedahkan sama ada dengan cara mempamerkannya kepada pihak awam atau menjual barang yang menggunakan reka bentuk tersebut kepada mana-mana pihak. Hal ini bermakna, penggunaan atau pengilangan awal atau pun pendedahan awal reka bentuk tersebut dalam mana-mana dokumen awam adalah dilarang sama sekali. Dalam kes *Besalon International Ltd. lwn South Strong Industries Sdn. Bhd.*<sup>52</sup>, mahkamah memutuskan bahawa reka bentuk defendant tidak boleh dikuatkuasakan atas alasan bahawa sebelum pendaftaran pada 9 November 1994 di United Kingdom, plaintiff dan defendant telah mengilang, mempromosikan dan/atau menjual jubin yang memaparkan reka bentuk yang dipertikaikan itu menyebabkan ia tidak lagi baharu menurut kehendak akta.

Penzahiran atau pendedahan ini memadai walaupun dilakukan hanya kepada seorang dalam kalangan pihak awam yang mana orang itu tidak dipertanggungjawabkan untuk menyimpan pengetahuan yang diperolehnya sebagai suatu rahsia<sup>53</sup>. Apabila keadaan ini berlaku, reka bentuk tersebut hilang kelayakan untuk dianggap sebagai baru. Dalam kes *Teh Teik Boay lwn Chuah Saik Loo*<sup>54</sup>, Hakim Hepworth menyatakan bahawa:

“Secara umumnya, penzahiran berlaku jika reka bentuk yang sepatutnya dirahsiakan itu didedahkan kepada awam. Persoalan yang harus diputuskan ialah, adakah pihak awam telah diletakkan dalam keadaan memiliki reka bentuk itu? Adakah pihak awam memperoleh pengetahuan tentang reka bentuk itu? Tidak semestinya reka bentuk itu benar-benar digunakan. Penzahiran berlaku jika dapat ditunjukkan bahawa reka bentuk itu diketahui umum tanpa mengira sama ada ia benar-benar digunakan. Oleh itu, penzahiran boleh berlaku dalam dua keadaan (a) penerbitan dalam dokumen sebelumnya, (b) penerbitan oleh penggunaan sebelumnya”.

Selain itu, sesuatu reka bentuk juga tidak boleh didaftarkan jika tergolong dalam mana-mana kategori berikut:

- (i) tidak mempunyai nilai estetik yang jelas<sup>55</sup> atau hanya berbeza dari segi ciri-ciri tidak material sahaja<sup>56</sup>;
- (ii) merupakan kaedah atau prinsip pembinaan<sup>57</sup>;
- (iii) ciri reka bentuk tersebut ditentukan semata-mata oleh fungsi<sup>58</sup>;
- (iv) ciri reka bentuk tersebut bergantung kepada rupa suatu barang lain<sup>59</sup>;
- (v) reka bentuk tersebut bertentangan dengan ketenteraman awam atau moral<sup>60</sup>.

Pendaftaran sesuatu reka bentuk hanya boleh dilakukan oleh pemiliknya yang sah<sup>61</sup>. ARP 1996 membahagikan pemilik reka bentuk ini kepada tiga kategori iaitu sama ada:

- (i) orang yang mencipta reka bentuk tersebut<sup>62</sup>; atau
- (ii) orang yang membuat tempahan supaya sesuatu reka bentuk dicipta berdasarkan tempahan<sup>63</sup>; atau
- (iii) majikan kepada pekerja yang diupah untuk menghasilkan sesuatu reka bentuk<sup>64</sup>.

Apabila didaftarkan, pemiliknya mendapat hak eksklusif untuk mengeksplorasi penggunaan reka bentuk tersebut kepada sesuatu barang termasuklah untuk membuat atau mengimport barang tersebut untuk tujuan jualan atau sewaan dan menggunakan bagi apa-apa tujuan perdagangan<sup>65</sup>. Hak ini membolehkan pemiliknya mengambil tindakan undang-undang<sup>66</sup> terhadap mana-mana pihak yang melakukan pelanggaran terhadap hak eksklusif tersebut<sup>67</sup> dalam tempoh lima tahun dari tarikh pelanggaran dilakukan. Pemiliknya juga boleh memindah milikkan hak tersebut kepada mana-mana pihak lain secara bertulis menurut peruntukan undang-undang<sup>68</sup>. Tempoh pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian ialah selama lima tahun bermula dari tarikh pemfailan permohonan untuk pendaftaran<sup>69</sup> dan boleh dilanjutkan dua kali berturut-turut bagi tempoh lima tahun untuk setiap kali lanjutan dibuat<sup>70</sup>.

### **Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu**

Perlindungan undang-undang bagi reka bentuk susun atur litar bersepadu di Malaysia termaktub dalam Akta Reka Bentuk Susun

Atur Litar Bersepadu 2000 (Akta 601). Reka bentuk susun atur litar bersepadu merupakan susunan tiga dimensi unsur-unsur sesuatu litar bersepadu, iaitu komponen elektronik yang membentuk satu litar lengkap atau separa lengkap, yang disediakan untuk tujuan pengeluaran atau pengilangan dan digunakan pada sesuatu bahan atau produk untuk melaksanakan sesuatu fungsi elektronik<sup>71</sup>. Contoh komponen elektronik sesuatu litar bersepadu ialah seperti transistor, kapasitor, perintang, diod dan sebagainya. Penggunaan litar bersepadu ini boleh didapati dalam pelbagai produk peralatan elektrik seperti komputer, mesin basuh, mesin kira, jam tangan berdigit, televisyen dan radio.

Sebagaimana hak cipta, sesuatu reka bentuk susun atur layak mendapat perlindungan secara automatik tanpa perlu didaftarkan apabila memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) asli<sup>72</sup>, iaitu ia merupakan hasil usaha intelek penciptanya sendiri dan bukan perkara biasa antara pencipta reka bentuk susun atur dan pengilang litar bersepadu<sup>73</sup>;
- (ii) telah ditetapkan dalam bentuk material atau digabungkan dalam suatu litar bersepadu<sup>74</sup>; dan
- (iii) pemegang hak reka bentuk susun atur itu adalah orang yang layak<sup>75</sup>.

Perlindungan ini bagaimanapun tidak terpakai kepada apa-apa gagasan, tatacara, proses, sistem, kaedah pengendalian, konsep, prinsip atau penemuan walaupun perkara-perkara tersebut terkandung dalam sesuatu reka bentuk susun atur<sup>76</sup>.

Pemegang hak sesuatu reka bentuk susun atur ini boleh terdiri daripada pihak-pihak berikut:

- (i) pencipta;
- (ii) orang yang menugaskan, jika reka bentuk susun atur itu dicipta menurut sesuatu penugasan;
- (iii) majikan, jika reka bentuk susun atur itu dicipta oleh pekerja dalam menjalankan pekerjaannya<sup>77</sup>.

Hal ini bermakna, *pemegang hak* dan *pencipta* kadangkala merujuk kepada pihak yang sama tetapi Akta 601 menerangkan secara jelas bahawa *pemegang hak* adalah pihak yang mendapat manfaat daripada

perlindungan akta manakala *pencipta* merujuk kepada pihak yang membuat perkiraan bagi penciptaan sesuatu reka bentuk susun atur<sup>78</sup>. Pemegang hak boleh menghasilkan semula dan memberi kuasa untuk penghasilan semula sesuatu reka bentuk susun atur terlindungnya dan juga mengeksplotasi haknya secara perdagangan<sup>79</sup>. Pelanggaran terhadap hak-hak ini<sup>80</sup> membolehkan pemegang hak mengambil tindakan terhadap pihak yang berkenaan dalam tempoh enam tahun dari tarikh pelanggaran dilakukan<sup>81</sup>. Sesuatu reka bentuk susun atur dilindungi bagi tempoh 10 tahun dari tarikh mula dieksplotasi secara perdagangan dan tamat selepas 15 tahun dari tarikh dicipta<sup>82</sup>.

### **Petunjuk Geografi**

Undang-undang berhubung dengan petunjuk geografi di Malaysia termaktub dalam Akta Petunjuk Geografi 2000 (APG 2000). Perlindungan petunjuk geografi telah bermula agak lama di benua Eropah terutamanya oleh negara-negara pengeluar wain dan spirit seperti Itali dan Perancis sebagai pertukaran bagi pengurangan subsidi eksport yang kemudiannya diperkuatkan melalui peruntukan dalam perjanjian TRIPS<sup>83</sup>.

Secara umumnya, petunjuk geografi merujuk kepada nama atau tanda yang digunakan pada produk tertentu yang mengaitkannya dengan lokasi geografi tertentu atau dari mana sesuatu barang itu berasal seperti bandar, kawasan, tempat, negara atau wilayah. Ia bertujuan memastikan produk yang menggunakan petunjuk geografi tersebut mempunyai kualiti, reputasi atau sesuatu ciri khusus berdasarkan tempat asal geografinya<sup>84</sup>. Berbeza dengan cap dagangan, fungsi petunjuk geografi ini adalah sebagai suatu tanda bahawa sesuatu produk itu dihasilkan atau mempunyai ciri khusus berdasarkan tempat pengeluarannya atau kedudukan geografinya. Malah, penggunaan petunjuk geografi ini dalam sesetengah keadaan mensyaratkan supaya sesuatu produk itu mestilah memenuhi syarat kualiti tertentu yang dipantau oleh sesuatu pertubuhan atau jawatankuasa bagi memastikan penggunaannya tidak disalah gunakan atau boleh menjelaskan reputasi sesuatu petunjuk geografi itu sendiri<sup>85</sup>. Hakim Abdul Hamid Mohamed misalnya dalam kes *The Scotch Whisky Association lwn Ewein Winery (M) Sdn Bhd*<sup>86</sup>, memutuskan bahawa penggunaan perkataan *Scotch Whisky* menunjukkan bahawa defendant telah menjelaskan perniagaan, nama baik dan kepentingan plaintif

dengan cara menjual atau menawarkan untuk menjual produk spirit di Malaysia yang bukan dihasilkan tetapi dilabel sedemikian rupa seolah-olah ia dihasil dan diperam di Scotland. Oleh itu, defendant telah menyalah nyatakan produk mereka yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat umum untuk mempercayai bahawa produk-produk defendant sebagai produk kepunyaan plaintiff yang berasal dari Scotland.

Petunjuk geografi ini boleh digunakan ke atas sebarang produk sama ada keluaran semula jadi, hasil pertanian atau sebarang keluaran kraftangan atau industri<sup>87</sup>. Contoh-contoh produk yang mengaitkan kualiti atau ciri tertentu produk dengan petunjuk geografinya termasuklah misalnya *Sarawak pepper*<sup>88</sup>, *labu sayong* dan *songket tenun Terengganu* bagi produk keluaran tempatan, manakala produk-produk antarabangsa yang lain termasuklah *Idaho potatoes* (Amerika Syarikat), *Champagne* (Perancis), *Cornish Clotted Cream* (United Kingdom) dan *Bohemia crystal* (Czech Republic)<sup>89</sup>. Petunjuk geografi berperanan untuk memaklumkan mengenai asal sesuatu produk seperti pengenalan perkataan “*Buatan/Made in Malaysia*” atau “*Buatan/Made in England*” dan sebagainya yang boleh dirujuk oleh pengguna apabila membeli sesuatu barang.

Pendaftaran petunjuk geografi boleh dilakukan oleh sesuatu pihak yang berwibawa seperti pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, badan berkanun; dan organisasi atau persatuan perdagangan<sup>90</sup>. Hal ini bermakna, ia dimiliki secara bersama oleh pengeluar-pengeluar yang menjalankan aktiviti perdagangannya dalam kawasan geografi yang dinyatakan. Memandangkan ia bukanlah hak milik individu, setiap peniaga bebas untuk menggunakan cap dagangan masing-masing terhadap produk keluaran mereka yang mempunyai petunjuk geografi yang sama.

Di Malaysia, sesuatu petunjuk geografi adalah dilindungi tanpa mengira sama ada ia didaftarkan menurut akta atau tidak<sup>91</sup> asalkan ia tidak bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral atau tidak melanggar mana-mana petunjuk geografi yang mendapat perlindungan atau yang digunakan di mana-mana negara atau wilayah lain<sup>92</sup>. Walau bagaimanapun, pendaftaran sesuatu petunjuk geografi memudahkan proses perlindungan undang-undang kerana pemilik berdaftarnya mempunyai hak eksklusif untuk mengeksplotasi

barang petunjuk geografinya<sup>93</sup> dan boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap pelanggaran hak tersebut dalam tempoh lima tahun dari tarikh pelanggaran dilakukan<sup>94</sup>. Tempoh perlindungan petunjuk geografi yang berdaftar adalah selama 10 tahun dari tarikh pemfailan<sup>95</sup> dan boleh diperbaharui setiap 10 tahun selagi petunjuk geografi itu diguna pakai<sup>96</sup>.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelas bahawa kepelbagaiannya hak harta intelek yang terkandung dalam sesuatu objek fizikal boleh menyumbang kepada peningkatan nilai aset sesebuah organisasi dari semasa ke semasa. Ia juga merupakan antara alasan paling mudah kenapa hak terhadap harta intelek diwujudkan; iaitu untuk membolehkan pencipta atau pemilik harta intelek melindungi dan memperoleh keuntungan daripada hasil usaha penciptaan intelek mereka. Malah, modal dalam bentuk harta intelek ini semakin diiktiraf sebagai aset penting bagi kebanyakan syarikat gergasi bertaraf dunia. Justeru, dalam konteks sesebuah organisasi, hak antara majikan dengan pekerja terhadap harta intelek ini perlulah ditentukan dengan jelas.

## **HUBUNGAN MAJIKAN DAN PEKERJA DALAM ORGANISASI**

Hubungan yang wujud antara majikan dan pekerja di Malaysia secara umumnya digariskan dalam dua akta utama iaitu Akta Kerja 1955 (AK 1955) dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (APP 1967). Kedua-dua akta ini mensyaratkan bahawa hubungan tersebut mestilah berasaskan kepada suatu kontrak perkhidmatan kerana ia menggariskan hak dan tanggungjawab kepada majikan dan pekerja. Hal ini berbeza dengan kontrak untuk perkhidmatan yang tidak mewujudkan suatu hubungan pekerjaan dan lazimnya pihak-pihak hanya terikat kepada terma kontrak yang biasa dan hubungan kontrak tersebut berakhir apabila sesuatu tugas yang dikontrakkan itu selesai dilaksanakan<sup>97</sup>.

Kedua-dua akta iaitu AK 1955 dan APP 1967 menjelaskan bahawa kontrak perkhidmatan merujuk kepada perjanjian antara majikan yang bersetuju menggaji pihak lain sebagai pekerja dan orang itu bersetuju untuk berkhidmat dengan majikannya sebagai pekerja<sup>98</sup>. Majikan

akan menawarkan supaya sesuatu pekerjaan dilakukan untuknya dan sebagai balasan dia akan membayar gaji kepada pekerja bagi pekerjaan yang disempurnakan itu.

Kontrak perkhidmatan mewujudkan hak dan tanggungjawab tertentu antara majikan dan pekerja. Kedua-dua pihak perlu menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka mengikut status dan peranan masing-masing terhadap satu sama lain. Selain daripada hak dan tanggungjawab yang dinyatakan dengan jelas di dalam kontrak dan juga statut, prinsip yang diterima pakai menurut kaedah *common law* dan keputusan-keputusan kes juga perlu dipatuhi.

Cara untuk menentukan sama ada seseorang individu itu adalah pekerja atau tidak dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Hoh Kian Ngan lwn Mahkamah Perusahaan Malaysia*<sup>99</sup>, iaitu:

“Pendekatan yang betul dan fleksibel untuk memastikan seseorang itu adalah pekerja di bawah Akta ialah dengan menentukan sama ada kontrak yang dimasuki itu adalah ‘kontrak perkhidmatan’ atau ‘kontrak untuk perkhidmatan’. ‘Pekerja’ yang diambil bekerja menurut takrifan Akta adalah seseorang yang terikat dengan ‘kontrak perkhidmatan’ sementara ‘kontraktor bebas’ yang terikat dengan ‘kontrak untuk perkhidmatan’ bukanlah ‘pekerja’ menurut takrifan Akta... Bagi menentukan sama ada sesuatu kontrak itu adalah ‘kontrak perkhidmatan’ atau ‘kontrak untuk perkhidmatan’, tahap kawalan yang dikenakan oleh majikan terhadap pekerja merupakan faktor penting, walaupun bukanlah merupakan satu-satunya kriteria yang diambil kira. Terma kontrak perlu ditentukan terlebih dahulu bagi memastikan jenis fungsi dan tugas pekerja... dan ini termasuklah kelakuan pihak-pihak pada setiap masa yang relevan”.

## **HAK PEMILIKAN HARTA INTELEK DALAM ORGANISASI: MAJIKAN ATAU PEKERJA?**

Hak milik terhadap sesuatu idea atau ciptaan lazimnya ditentukan oleh faktor ‘siapa’ dan ‘dalam konteks apa’ ciptaan itu dihasilkan. Mana-mana individu yang menghasilkan sesuatu ciptaan atas usaha, modal dan kepakarannya sendiri akan mempunyai hak milik sepenuhnya terhadap ciptaan tersebut. Walau bagaimanapun, bagi

individu yang diupah oleh mana-mana pihak, syarikat atau organisasi bagi tujuan menghasilkan sesuatu produk atau idea baru misalnya, keadaan ini berbeza kerana hak pemilikan terhadap produk atau idea baru tersebut perlu dilepaskan kepada pihak yang menempahnya atau kepada majikannya sebagai salah satu daripada syarat-syarat dalam terma kontrak perkhidmatannya.

Namun, masih terdapat beberapa pengecualian terhadap perkara ini tertakluk kepada bagaimana sesuatu kontrak perkhidmatan itu dimasuki dan dilaksanakan di antara pihak-pihak. Misalnya, terma terhadap hak pemilikan sesuatu harta intelek boleh ditentukan sama ada menjadi kepunyaan majikan secara mutlak, atau tetap dipegang oleh pekerja, ataupun dimiliki secara bersama oleh majikan dan pekerja. Yang penting ialah, sebarang terma yang dibuat mestilah dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja. Walaupun undang-undang menyatakan bahawa kontrak perkhidmatan ini boleh dibuat secara lisan<sup>100</sup>, proses pembuktian menurut undang-undang akan menjadi lebih mudah jika kontrak ini dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh kesemua pihak yang terlibat.

Dalam konteks ini, bolehlah dikatakan bahawa penentuan terhadap pemilikan sesuatu ciptaan atau hasil harta intelek yang dicipta oleh pekerja perlu merujuk kepada peruntukan undang-undang kontrak, undang-undang pekerjaan dan undang-undang harta intelek<sup>101</sup>. Undang-undang kontrak memberi kelonggaran kepada majikan dan pekerja untuk mengikat diri mereka dengan terma-terma yang mereka anggap sesuai dan bermanfaat untuk kedua-dua pihak. Menurut undang-undang pekerjaan pula, isu pemilikan harta intelek ini adalah berdasarkan kepada terma kontrak perkhidmatan yang dimasuki, misalnya apakah tujuan seseorang pekerja diambil bekerja dan sama ada pekerja dikehendaki menghasilkan sesuatu ciptaan dalam tempoh pekerjaannya<sup>102</sup>. Lazimnya, hak milik harta intelek menurut terma kontrak perkhidmatan ini dinyatakan secara jelas sebagai kepunyaan majikan.

Menurut undang-undang harta intelek, isu pemilikan hak harta intelek ini diperuntukkan secara jelas hampir dalam kesemua akta yang terlibat iaitu hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian dan reka bentuk susun atur litar bersepadu. Kesemua akta ini menyatakan bahawa bagi karya, ciptaan ataupun reka bentuk yang dihasilkan

oleh pekerja berdasarkan terma dalam kontrak pekerjaannya, hak milik terhadap karya, ciptaan ataupun reka bentuk tersebut akan menjadi hak milik majikan<sup>103</sup>. AP 1983 bagaimanapun memberi peluang selanjutnya kepada pekerja untuk mendapatkan saraan yang saksama dengan majikan jika nilai ekonomi reka cipta tersebut lebih besar daripada yang mereka jangkakan dan pekerja dalam keadaan ini boleh menguasakan hak tersebut kerana ianya tidak dihadkan oleh kontrak<sup>104</sup>.

Selain daripada peruntukan akta, keputusan mahkamah dalam kes-kes yang berkaitan juga perlu diambil kira. Dalam kes *Elster Metering Ltd. lwn Premier Amalgamated Sdn Bhd*<sup>105</sup> misalnya, Pesuruhjaya Kehakiman Hamid Sultan Abu Backer memutuskan bahawa kegagalan pihak plaintif untuk mengemukakan rekod perkhidmatan berhubung dengan karya lukisan yang dihasilkan menyebabkan pemilik karya tersebut tidak dapat ditentukan dengan jelas. Beliau juga menyatakan bahawa, akuan bersumpah menurut peruntukan seksyen 42 Akta Hak Cipta 1987 tidak memadai sebagai bukti *prima facie* mengenai pemilikan hak cipta dan peruntukan seksyen itu juga tidak cukup kuat untuk mengenepikan syarat-syarat pembuktian menurut Akta Keterangan 1950. Keterangan *prima facie* mengenai sesuatu fakta sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 42 tidak boleh disamakan sebagai bukti *prima facie* dan hanya dianggap antara lainnya untuk membantu plaintif membuktikan kes mereka sahaja<sup>106</sup>. Dalam konteks ini, apabila keterangan dokumen tidak dapat dikemukakan atau, jika ia dikemukakan tetapi tidak memenuhi syarat pembuktian yang ditetapkan, adalah dicadangkan bahawa pihak yang menghasilkan karya tersebut perlu mengambil langkah awal yang lain supaya hak mereka sebagai pemilik asal karya tersebut tetap dilindungi undang-undang. Hal ini boleh dilakukan dengan mengemukakan misalnya saksi-saksi ataupun rekod yang mengandungi lakaran asal, plot asal, versi asal serta beberapa peringkat proses menghasilkan karya berkenaan berserta dengan tarikh dilakukan sehingga salah sesuatu karya itu siap sepenuhnya. Bagi hasil penerbitan akademik misalnya, rekod-rekod yang menunjukkan proses bacaan pruf, proses penilaian, penyuntingan dan pembetulan kepada karya, malah penstoran maklumat daripada komputer yang digunakan bagi menghasilkan karya berkenaan juga boleh dikemukakan untuk menyokong proses pembuktian tersebut<sup>107</sup>.

## **RINGKASAN BAB**

Sesuatu ciptaan intelek yang dihasilkan lazimnya memerlukan pelaburan besar melalui penyelidikan yang menggunakan usaha, modal, kepakaran serta masa yang lama. Perlindungan yang cekap dan berkesan perlu diberikan kepada ciptaan ini agar boleh dieksplotasi semula untuk mendapatkan ganjaran yang sewajarnya. Dalam konteks organisasi, pemilikan terhadap sebarang bentuk hasil ciptaan intelek ini perlu dikenal pasti secara jelas agar hubungan yang harmoni di antara majikan dan pekerja dapat diwujudkan bagi kepentingan perkembangan organisasi tersebut. Undang-undang menyediakan perlindungan yang mencukupi bukan sahaja terhadap hak harta intelek yang dihasilkan malah juga bagi memelihara hubungan majikan dan pekerja dalam sesebuah organisasi. Hubungan yang baik dan harmoni ini penting kerana boleh menyumbang kepada keadaan dan persekitaran kerja yang lebih memberansangkan. Di samping itu, undang-undang juga menyediakan penyelesaian kepada pihak-pihak ini sekiranya berlaku sebarang masalah dalam hubungan mereka.









